

Kesejahteraan Pengkultur Rumpai Laut di Pulau Kerindingan, Semporna, Sabah: Satu Kajian Komprehesif.

(*Well being of Seaweed Planter in Kerindingan Island, Semporna Sabah*)

Balan Rathakrishnan, Bonaventure Boniface, Norazemah Abdul Salleh & Siti Kalsom Yulo

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan kesejahteraan pengkultur dari aspek tahap pendidikan, umur dan pendapatan. Kajian ini turut mengenalpasti tahap kesejahteraan pengkultur rumpai laut di Pulau Kerindingan, Semporna dalam lima domain seperti subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal. Seramai 43 pengkultur telah mengikuti kajian tinjauan dan temubual bersemuka ini. Analisis kaedah campuran telah digunakan dalam kajian ini. Pada bahagian soal selidik, Penilaian Kesejahteraan yang terdiri daripada subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal telah digunakan untuk menilai kesejahteraan tersebut. Pada bahagian temubual, responden telah ditanya tentang perasaan keseluruhan terhadap kesejahteraan. Kajian ini mendapati kesejahteraan pengkultur rumpai laut berada pada tahap tinggi bagi subjektif, mental, sosial. Manakala spiritual berada pada tahap yang sederhana dan fizikal pada tahap yang rendah. Kajian ini turut mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesejahteraan dalam aspek tahap pendidikan, umur dan pendapatan. Hasil kajian ini diharap dapat membantu kerajaan dalam pembentukan polisi untuk membantu pengkultur rumpai laut di Pulau Kerindingan, Semporna dalam meningkatkan kesejahteraan mereka secara menyeluruh.

Katakunci: Rumpai laut, kesejahteraan hidup, subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal.

ABSTRACT

The purpose of this research is to cover the differences of well-being from the aspect of education level, age and income of seaweed planters. This study also examines the level of well-being in five domains such as subjective, mental, social, spiritual and physical of seaweed planters at Pulau Kerindingan, Semporna. A total of 43 planters has taken part in this survey and one-to one interview. This research, using mixed method analysis. For the survey part with questionnaires, Well-being Assessment consists of subjective, mental, social, spiritual and physical has been used to assess the wellbeing. For the interview part, respondent was asked for the overall feeling on the well-being. The study found that the wellbeing of seaweed planter is in high level in subjective, mental, social. Meanwhile, the spiritual is in moderate level and physical with low level. This study also shows there are significant differences in wellbeing from aspect of education level, age and income. This finding could help the government in making policy to help the seaweed planters from Pulau Kerindingan, Semporna to improve their overall wellbeing.

Keywords : Seaweed, well being, subjective, mental, social, spiritual and physical

PENDAHULUAN

Projek pengkulturan rumpai laut merupakan salah satu projek dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Dalam projek ini pelbagai insentif diberikan dan banyak agensi terlibat dalam menjayakan projek ini telah diperuntukkan bagi melaksanakannya. Selain itu, pengkulturan rumpai laut telah dimulakan seawal tahun 70-an oleh penternak secara kecil-kecilan pada tahap sara diri sebagai aktiviti utama atau sambilan oleh mereka yang tinggal di persisiran pantai (Rashilah Mohamad, Muhamad Faireal Ahmad, Jamaluddin Kasa dan Nor Azlina Saari, 2011). Daerah Semporna merupakan salah satu kawasan pengkulturan di Sabah. Kedudukan daerah Semporna yang strategik dan berada dalam kawasan segi tiga terumbu karang membolehkan rumpai laut dapat tumbuh dengan subur. Rumpai laut merupakan salah satu industri yang kini semakin mendapat tempat untuk dikaji di negara ini. Sehubungan dengan itu, beberapa kajian telah dilakukan bagi mengkaji kaedah pengkulturan yang mampu untuk menambah pengeluaran rumpai laut negara.

Sejak tahun 1980 pengurusan berkaitan dengan rumpai laut di Semporna adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perikanan Sabah (Shahzunizam Zulkifli, 2009). Jabatan Perikanan Sabah memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan pengkulturan rumpai laut kepada masyarakat setempat terutama golongan nelayan yang menjadikan aktiviti pengkulturan rumpai laut sebagai sumber pendapatan mereka (Norhuda Salleh, Aisah Hosin dan Budi Anto Tamring, 2013). Peningkatan dalam penyelidikan berkenaan rumpai laut telah menjadikan rumpai laut sebagai salah satu tumbuhan akuatik berimpak tinggi yang mampu untuk meningkatkan ekonomi negara dan khususnya di Sabah.

Renwick (2006) mendefinisikan kesejahteraan hidup sebagai suatu perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna. Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia tentang bagaimana kehidupan mereka berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya (Azizah, Jamal dan Roslina, 2013). Menurut kajian mereka, kesejahteraan hidup mempunyai pelbagai dimensi, namun kebiasaannya ia diukur melalui petunjuk ekonomi iaitu pendapatan. Dalam negara yang terdiri dari pelbagai bidang ekonomi, kita dapat menyaksikan masyarakat melakukan pelbagai kegiatan ekonomi masing-masing dan menikmati kesejahteraan hidup yang berbeza.

Menurut Norizan (2003) kesejahteraan hidup diukur menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan objektif dan pendekatan subjektif. Pendekatan objektif adalah mengenai tingkat pendapatan, fizikal (kesihatan) dan sosial. Kemudian, pengukuran subjektif adalah dengan mengambil kira perasaan dan pengalaman seperti komunikasi, emosi dan kehidupan. Azizah, Jamal dan Roslina (2013) menyatakan pengukuran kesejahteraan hidup dilakukan berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu dan berbeza di antara kumpulan masyarakat yang berbeza. Kajian mereka menggunakan tahap pendidikan dan pendapatan untuk mengukur kesejahteraan hidup petani padi. Maka, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kesejahteraan hidup pengkultur rumpai laut dari aspek tahap umur, pendidikan dan pendapatan. Kemudian, melihat sejauhmanakah kesejahteraan hidup pengkultur rumpai laut di Pulau Kerindingan dengan menilai lima domain kesejahteraan hidup menurut Norizan (2003) iaitu subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal.

PERNYATAAN MASALAH

Kepesatan pembangunan yang berlaku di negeri Sabah membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan peningkatan taraf hidup masyarakat (Rosnah Ismail, 2004). Terdapat kajian yang terhad dalam mengkaji kesejahteraan bagi aspek psikologi pengkultur rumpai laut di Semporna. Kebanyakan daripadanya seperti kajian Rosnah Ismail (2004) lebih tertumpu kepada aspek sosial iaitu melihat kepada sikap pengkultur rumpai laut untuk pembangunan sosial. Kemudian kajian Mizpal Ali *et. all* (2015) pula adalah lebih kepada pembangunan komuniti bagi pengkultur rumpai laut.

Siti Nadira Ahmad Rozian Shah, Rosmadi Fauzi dan Jamilah Mohamad (2015) menyatakan bahawa kesejahteraan hidup di Malaysia kini berkembang dengan baik menurut laporan “*Malaysia Well-Being Report 2013*”. Namun, Malaysia masih tidak dapat melihat dengan jelas apakah tahap semasa kesejahteraan hidup masyarakat pada skop yang lebih kecil iaitu daerah. Maka, ia adalah penting untuk mengetahui kesejahteraan penduduk terutama daerah yang kecil untuk memudahkan pengawasan dan penambahbaikan daripada pihak pengurusan.

Pengkulturan rumpai laut merupakan suatu projek transformasi kerajaan Malaysia yang diperkenalkan di bawah Program Transformasi Kerajaan (ETP). Melalui ETP, Kerajaan mula mencari sumber-sumber yang boleh dikomersialkan dan menambah pendapatan rakyat sekaligus menjadi sumber pendapatan negara (Mizpal Ali, Rosazman Hussin, Suhaimi Md Yasir dan Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, 2015). Namun, menurut Rosnah Ismail (2004) Program Pembangunan seperti Projek Pengkulturan Rumpai Laut (PPRL) tidak akan berjaya tanpa perubahan psikologi, minda, motivasi serta sikap masyarakat yang terlibat.

Pada dasarnya kesejahteraan hidup merupakan konsep yang mudah untuk didefinisikan iaitu melihat bagaimana ‘baiknya’ kehidupan seseorang, namun jika kita mengkaji dengan lebih mendalam, kita akan mendapati betapa sukarnya untuk menentukan dan menjawab persoalan tentang bagaimana baik atau tidaknya kehidupan seseorang (Azizah, Jamal dan Roslina, 2013). Beberapa kajian lepas menyatakan dalam mengkaji tentang kesejahteraan hidup beberapa indikator perlu dikaji. Norizan (2003) menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan objektif (luaran) dan subjektif (dalaman). Pendekatan objektif adalah seperti pendapatan, pendidikan, kesihatan fizikal dan sosial. Manakala, pendekatan subjektif pula adalah lebih kepada emosi, mental dan spiritual. Menurut kajian Norizan (2003) dan Azizah, Jamal dan Roslina (2013) indikator ini adalah penting untuk menilai sejauh mana kesejahteraan hidup sesuatu kumpulan masyarakat.

Maka, kajian ini akan menggunakan indikator atau dimensi seperti subjektif, mental, sosial, spiritual, dan fizikal. Kemudian tahap pendidikan dan pendapatan golongan pengkultur rumpai laut juga akan dilihat. Hal ini untuk mengetahui adakah mereka benar-benar memerlukan bantuan dalam soal kesejahteraan hidup mereka? Maka, dengan mengetahui akan persoalan ini, ia akan dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan kesejahteraan hidup pengkultur rumpai laut serta seterusnya, meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhannya.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang ingin dicapai adalah:

1. Melihat perbezaan tahap kesejahteraan dari aspek tahap pendidikan, umur dan pendapatan pengkultur rumpai laut.
2. Menilai tahap kesejahteraan dalam lima domain meliputi subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal pengkultur rumpai laut.

METHODOLOGI

Kaedah Kutipan Data

Dalam kajian ini golongan pengkultur rumpai laut dijadikan sebagai unit analisis dalam menilai tentang persoalan kesejahteraan hidup. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kajian tinjauan yang menggunakan temu bual dan borang soal selidik. Melalui kaedah analisis ‘mixed’, pendekatan kuantitatif digunakan untuk menguji nilai kebolehpercayaan dan min set soal selidik. Manakala, kualitatif dengan temubual pengkultur yang terlibat. Perisian SPSS digunakan untuk menganalisis data bagi sosiodemografi responden serta menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Sampel dan Instrumen Kajian

Berdasarkan penelitian khususnya di Pulau Kerindingan yang melibatkan penduduk Kampung Terusan Baru. Kaedah temubual secara bersemuka dan borang soal selidik digunakan untuk mengutip data daripada responden. Responden yang dipilih adalah dari kalangan pengkultur rumpai laut di kawasan kajian. Jumlah responden adalah seramai empat puluh tiga (43) orang pengkultur sahaja untuk temu bual bersemuka dan borang soal selidik. Kemudian, wakil daripada Jabatan Perikanan Semporna juga di temubual.

Borang soal selidik yang bertajuk kesejahteraan pengkultur rumpai laut di Semporna menggunakan skala likert yang dibahagikan kepada lima domain kesejahteraan iaitu subjektif (7 soalan), mental (4 soalan), sosial (7 soalan), spiritual (9 soalan) dan fizikal (6 soalan). Skala yang digunakan adalah menggunakan kategori skala yang mana tidak pernah (1), jarang (2), kadang kala (3), biasanya (4) dan selalu (5). Seterusnya, dalam borang soal selidik mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A: demografi responden dan bahagian B: kesejahteraan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, penelitian sosiodemografi adalah seperti dalam jadual 1. Daripada jadual ini menunjukkan kebanyakan responden adalah perempuan iaitu 53 peratus berbanding responden lelaki daripada jumlah keseluruhan responden. Etnik responden adalah daripada suku kaum bajau

yang menunjukkan responden adalah beragama Islam. Selain itu, kebanyakan responden sudah berkahwin dengan 81 peratus.

Jadual 1: Sosio-demografi responden

| Item | | Kekerapan (N=43) | Peratus (%) |
|-----------------------|--|---------------------|----------------|
| Jantina | Lelaki | 20 | 46.5 |
| | Perempuan | 23 | 53.5 |
| Umur | 20-30 | 6 | 14.0 |
| | 31-40 | 11 | 25.6 |
| | >40 | 26 | 60.5 |
| Etnik | Bajau | 5 | 11.6 |
| | Bajau Ubian | 37 | 86.0 |
| | Lain-Lain | 1 | 2.3 |
| Agama | Islam | 43 | 100.0 |
| Tahap Pendidikan anda | Tidak bersekolah | 20 | 46.5 |
| | Darjah /UPSR | 17 | 39.5 |
| | LCE/SRP/PMR | 2 | 4.7 |
| | MCE/SPM | 1 | 2.3 |
| Tahap pendidikan ibu | Tidak bersekolah | 38 | 88.4 |
| | Darjah /UPSR | 4 | 9.3 |
| | LCE/SRP/PMR | 1 | 2.3 |
| Tahap pendidikan ayah | Tidak bersekolah | 36 | 83.7 |
| | Darjah /UPSR | 4 | 9.3 |
| | LCE/SRP/PMR | 2 | 4.7 |
| | MCE/SPM | 1 | 2.3 |
| Status Pekerjaan | Kerja tetap | 8 | 18.6 |
| | Kerja sambilan | 28 | 65.1 |
| | Tidak bekerja (tidak aktif mencari kerja) | 2 | 4.7 |
| | Lain-lain | 5 | 11.6 |
| | | | |
| Status Perkahwinan | Berkahwin | 35 | 81.4 |
| | Bujang | 2 | 4.7 |
| | Lain-lain | 6 | 14.0 |

Sumber: Kajian rintis (Mac, 2016)

Jadual 1 seperti umur dan pendidikan akan menjawab kepada objektif pertama kajian ini iaitu melihat perbezaan tahap kesejahteraan dari aspek tahap pendidikan dan umur pengkulturan rumpai laut. Walau bagaimanapun, dapatan kajian daripada jadual 1 menunjukkan golongan yang berumur dalam lingkungan 40 tahun ke atas merupakan golongan yang banyak terlibat dalam aktiviti pengkulturan iaitu 60% berbanding golongan belia yang berusia 20 hingga 30 tahun sebanyak 14%. Ianya sejajar dengan pendapat informan:

“Kebanyakan daripada pengkulturan biasanya daripada golongan yang berumur dalam lingkungan 30 lebih atau 40 ke atas .serta biasanya golongan

belia tidak berminat dalam penanaman rumpai laut kerana faktor cara penanaman yang sukar bagi mereka..jadi penglibatan belia adalah sangat digalakkan mungkin bukan kepada aktiviti pengkulturan tetapi lebih kepada hasil produk dalam bidang keusahawanan..” (En. Zulhami)

“Golongan muda lebih suka pekerjaan yang mudah dan tidak berat..ia lah menanam rumpai laut kena berjemur di bawah panas matahari..jadi dorang takut nanti kulit dorang rosak” (En. Abdullah)

Seterusnya, Kajian rintis ini melihat tahap pendidikan responden, ibu dan ayah responden. Daripada jadual menunjukkan kebanyakan adalah tidak bersekolah iaitu sebanyak 47% berbanding tahap pendidikan sekolah rendah iaitu darjah/UPSR 39%. Manakala tahap pendidikan sekolah menengah pula adalah 7% untuk LCE/SRP/PMR dan 5% untuk MCE/SPM serta 2% adalah STPM. Keadaan ini sama seperti yang dinyatakan responden:


“iyalah..dulu-dulu orang tua saya malas maw pergi sekolah..tidak juga penting dorang rasa..duit pun kurang..kalau sekolah sampai sekolah rendah atau menengah itu kira bagus sudah..kami tidak mampu ba..terpaksa kerja tanggung keluarga..” (En. Mad Basri Rasmie)

Bagi tahap pendidikan ibu responden juga adalah rendah kerana kebanyakan tidak bersekolah iaitu 88% berbanding sekolah rendah 9% iaitu darjah 5/ UPSR dan sekolah menengah LCE/SRP/PMR adalah 2%. Manakala, tahap pendidikan bapa responden pula didapati adalah lebih kurang dengan analisis tahap pendidikan ibu responden. Peratus tahap pendidikan bapa responden yang tidak bersekolah adalah 84%. Manakala, bagi sekolah rendah darjah 5/ UPSR adalah 9% diikuti dengan peratus sekolah menengah iaitu 5% bagi LCE/SRP/PMR dan 2% bagi kelulusan MCE/SPM. Daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa tahap pendidikan responden, ibu dan ayah responden adalah rendah kerana tahap pendidikan kebanyakan adalah tidak bersekolah dan diikuti dengan sekolah rendah.

Seterusnya, bagi menjawab kepada tahap kesejahteraan dari aspek pendapatan pengkultur bagi objektif yang pertama kajian, status pekerjaan adalah penting untuk melihat pendapatan responden. Berdasarkan jadual 1 mendapati 12% adalah daripada pekerjaan lain-lain. Pekerjaan lain-lain ini adalah menjadikan pengkulturan rumpai laut sebagai pekerjaan mereka dan di samping itu mempunyai kerja lain seperti bermiaga kecil-kecilan dan kerja pembersihan sekolah . Manakala, 65% bagi kerja sambilan untuk nelayan dan juga menanam rumpai laut. Sesetengah responden juga menjadikan aktiviti menanam rumpai laut sebagai pekerjaan tetap mereka tanpa melakukan sebarang pekerjaan untuk pendapatan sampingan mereka iaitu 18% serta 12% tidak bekerja yang aktif mencari kerja. Dalam kehidupan, memperoleh pendapatan adalah penting untuk kelangsungan hidup. Dalam anggaran pendapatan, kajian tinjauan ini akan melihat kepada anggaran pendapatan responden sebulan dan anggaran pendapatan keseluruhan keluarga sebulan. Secara ringkas daripada data anggaran pendapatan yang diperolehi kebanyakan responden iaitu pengkultur memperoleh anggaran pendapatan sebulan yang rendah. Bagi pendapatan keseluruhan keluarga majoriti responden menunjukkan mereka hanya mampu untuk mencapai pendapatan keseluruhan RM400 ke atas. Hal ini disebabkan berdasarkan anggaran pendapatan sebulan bagi keluarga daripada kajian yang dijalankan. Walau bagaimanapun, terdapat juga


responden yang mempunyai anggaran pendapatan keluarga yang mencecah RM 800 ke atas. Hal ini disebabkan berdasarkan anggaran pendapatan sebulan bagi keluarga, ada daripada ahli keluarga yang bekerja di luar kawasan pulau dan mendapat gaji yang lumayan. Oleh itu, responden terpaksa mencari pendapatan sampingan lain untuk menampung perbelanjaan kos rumah dan anak-anak mereka.

Carta pai 1 dan carta pai 2 menunjukkan dapatan kajian untuk anggaran pendapatan responden yang terlibat dalam pengkultur rumpai laut. Berdasarkan carta pai 1 anggaran pendapatan responden sebulan yang tertinggi adalah dalam lingkungan RM300 hingga RM400 iaitu dalam 33% dan pendapatan kurang daripada RM300 iaitu sebanyak 47%. Kemudian diikuti dengan anggaran pendapatan sebanyak RM400 ke atas adalah 21%. Anggaran pendapatan ini menunjukkan, responden mempunyai pendapatan yang rendah.



Sumber: Kajian rintis (Mei, 2016)

Manakala, merujuk kepada carta pai 2, berdasarkan dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa anggaran pendapatan keseluruhan keluarga untuk sebulan responden adalah sangat rendah kerana kebanyakan responden iaitu 42% hanya mampu menjana pendapatan dengan anggaran pendapatan keseluruhan keluarga sebanyak RM300 hingga RM400 sebulan. Kemudian diikuti dengan anggaran pendapatan sebanyak RM201 hingga RM300 iaitu dengan nilai peratus 19%. Serta, RM401 hingga RM500 dengan peratus sebanyak 12%. Manakala yang paling rendah, bagi 2% pula adalah untuk anggaran bagi RM 501 hingga RM 600 serta RM801-RM900 dan RM1000 ke atas



Sumber: Kajian rintis (Mei, 2016)

Di samping itu, analisis kesahan dan kebolehpercayaan bagi kesejahteraan untuk lima domain meliputi subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal yang digunakan juga telah diuji. Hasil yang diperolehi melalui analisis pengesahan adalah sah untuk domain kajian bagi penanam rumpai laut di kawasan ini. Analisis kesahan kajian adalah dalam lingkungan 0.5 hingga 0.7 bagi domain kajian yang digunakan (rujuk jadual 3).

Jadual 3: Analisis kesahan kajian

| Domain kajian | Kesahan |
|---------------|---------|
| Subjektif | 0.75 |
| Mental | 0.74 |
| Sosial | 0.57 |
| Spiritual | 0.58 |
| Fizikal | 0.74 |

Manakala, bagi kebolehpercayaan kajian menurut Sekaran (2003) menyatakan nilai alpha yang kurang daripada 0.5 adalah dianggap lemah, nilai 0.6 hingga 0.7 adalah sederhana dan boleh diterima manakala bagi nilai 0.8 adalah dianggap sangat baik. Jadual 4 menunjukkan alpha cronbach bagi kajian rintis adalah 0.58 iaitu dianggap sederhana dan boleh diterima.

Jadual 4: Kebolehpercayaan keseluruhan kajian

| Alpha Cronbach | Bilangan Item |
|----------------|---------------|
| 0.58 | 33 |

Analisis skor min akan dilihat untuk menjawab kepada objektif kedua kajian untuk menilai tahap kesejahteraan lima domain meliputi subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal pengkultur rumpai laut,. Berdasarkan jadual 2 menunjukkan tiga domain yang menunjukkan skor min yang tinggi iaitu subjektif, mental dan sosial. Manakala, spiritual adalah sederhana dan paling rendah adalah fizikal.

Jadual 2: Analisis skor min domain kajian

| Domain | min | Skor min |
|-----------|-----|-----------|
| Subjektif | 4 | Tinggi |
| Mental | 4 | Tinggi |
| Sosial | 4 | Tinggi |
| Spiritual | 3 | Sederhana |
| Fizikal | 2 | Rendah |

PERBINCANGAN

Dalam analisis kajian bagi umur responden, kebanyakan pengkultur majoritinya dalam lingkungan 30 tahun hingga 40 tahun. Dapatkan ini disokong oleh kajian Mizpal Ali (2011) yang mendapati golongan muda dilihat tidak berminat dengan aktiviti rumpai laut kerana aktiviti ini digambarkan sebagai kerja yang memerlukan tenaga yang banyak. Namun, Aisah dan Nurulaisyah (2014) peringkat umur mempengaruhi keberkesanan aktiviti pengkulturan rumpai laut untuk di majukan. Hal ini kerana menurut beliau, dengan penglibatan golongan belia dalam aktiviti pengkulturan rumpai laut dapat membantu industri untuk lebih produktif dalam pengeluaran serta lebih maju untuk masa akan datang. Oleh itu, tenaga kerja dan idea daripada golongan belia adalah sangat diperlukan bagi membantu industri rumpai laut untuk lebih inovatif (Rashilah *et. all*, 2011).

Tahap pendidikan adalah asas penting yang merupakan salah satu aset manusia. Tetapi, kajian mendapati mereka kebanyakannya tidak mempunyai pendidikan yang tinggi dan ada yang tidak pernah bersekolah. Dapatkan ini bermaksud sebahagian mereka adalah buta huruf dan tidak pandai menulis. Bagi tahap pendidikan Aisah dan Nurulaisyah (2014) menyatakan pendidikan boleh dibahagikan kepada dua iaitu pendidikan yang formal melalui institusi pengajian dan sekolah serta yang kedua adalah pendidikan tidak formal melalui pembelajaran tidak langsung melalui pengalaman individu. Oleh itu, walaupun responden tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, diandaikan pengkultur menggunakan pengalaman mereka untuk terlibat dalam pengkulturan rumpai laut. Akan tetapi, keadaan ini akan menyukarkan mereka untuk menerima tunjuk ajar dan berinteraksi dengan kaedah pengkulturan moden yang akan diperkenalkan pada masa akan datang (Nurulaisyah Rosli, Rosazman Hussin, Gaim James Lunkapis, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman dan Aisah Hossin, 2013).

Bagi menilai tahap kesejahteraan responden dari segi pendapatan responden dan keluarga, anggaran pendapatan yang diperolehi adalah sangat rendah. Terdapat beberapa sebab untuk hasil pendapatan mereka daripada menanam rumpai laut terjejas. Sebagai contoh, Nurhuda Salleh *et. all* (2013) menyatakan ia disebabkan oleh masalah seperti pengaruh persekitaran seperti harga pasaran rumpai laut, keselamatan dan kemudahan untuk melakukan aktiviti menanam rumpai laut seperti pelantar dan bot. Selain daripada harga rumpai laut yang rendah dan tidak stabil, mereka juga tidak mempunyai pusat pengumpulan dan pengeringan moden untuk menghasilkan rumpai laut yang berkualiti. Maka, keadaan ini menyebabkan jumlah hasil pendapatan mereka daripada aktiviti pengkulturan rumpai laut adalah rendah.

Seterusnya, bagi domain kesejahteraan hidup, adalah berdasarkan lima domain (Subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal). Secara ringkasnya, ia adalah untuk mengenal pasti sejauhmanakah tahap kesejahteraan hidup mereka sebagai pengkultur rumpai laut yang meliputi lima domain kajian. Merujuk kepada analisis dapatan kajian dari aspek tahap kesejahteraan untuk lima domain iaitu subjektif, mental, sosial, spiritual dan fizikal didapati hanya tiga domain sahaja yang mempunyai skor min yang tinggi iaitu domain subjektif, mental dan sosial. Perkembangan kesejahteraan subjektif mencerminkan tren masyarakat yang lebih besar mengenai nilai individu dan pandangan dalam menilai kehidupan dan pengakuan bahawa kesejahteraan semestinya meliputi elemen-elemen positif yang lebih penting daripada kekayaan ekonomi (Diener Suh, Lucas dan Smith, 1999). Ini menunjukkan daripada dapatan kajian, walaupun kesejahteraan hidup dari aspek pendapatan adalah kurang, tetapi melalui kajian ini penduduk di kawasan Terusan Baru tetap meneruskan kehidupan mereka dengan tahap subjektif (senang hati dan seronok), mental (berfikiran positif) dan juga sosial (peranan sebagai jiran dan ahli keluarga) yang tinggi. Dapatan ini juga disokong melalui kajian Aisah Hossin dan Nurulaisyah Rosli (2014) yang menemukan bahawa amalan tolong menolong antara hubungan kekeluargaan, penduduk dan jiran bagi pengkultur rumpai laut di Semporna dilihat adalah sangat baik. Hal ini kerana, seseorang yang dikatakan memiliki kesejahteraan subjektif, mental dan sosial yang tinggi akan mengalami kepuasan hidup dan kegembiraan yang lebih berbanding kesedihan walaupun berada pada situasi yang tidak memuaskan (Utami, 2009).

Menurut Iyus Yosep (2005) seseorang yang memiliki tahap spiritual yang tinggi mampu menjadi lebih bahagia dan sejahtera atau kualiti kehidupan yang baik berbanding dengan mereka yang mempunyai tahap spiritual yang rendah. Serta, mereka yang mempunyai spiritual yang tinggi juga lebih menerima keadaan kehidupan mereka, mempunyai hubungan interpersonal yang baik dan gembira dengan pekerjaan yang ada (Vieten, Pilato, Pargament, Scammell, Ammondson dan Lukoff, 2013). Namun, bagi domain spiritual kajian adalah berada pada tahap yang sederhana. Rosnah Ismail (2003) percaya bahawa apabila penduduk berterusan memperoleh pendapatan yang rendah, keadaan ini akan mengganggu kesejahteraan emosi dan kehidupan mereka yang mengundang kepada konflik hidup. Hal ini disebabkan menurut beliau, faktor kewangan merupakan dorongan utama pengkultur untuk terlibat dalam aktiviti pengkulturan rumpai laut. Kajian beliau juga berpendapat bahawa pendapatan yang rendah dan tidak memberangsangkan boleh menyebabkan pengkultur hilang minat, tiada motivasi dan berputus asa. Selain itu, keadaan ini sudah pasti akan mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka kerana kesan tidak langsung daripada kos sara hidup yang tinggi. Maka, jika kesejahteraan penduduk tidak diberi perhatian, ia akan mengundang kepada masalah kesukaran dan gangguan hidup (Amran Hassan, 2012). Apabila ketidakseimbangan antara kemampuan individu dan tekanan yang diterima berlaku, seseorang akan menjadi cemas dan mewujudkan keimbangan dalam diri mereka dan boleh mempengaruhi tindakan yang akan mereka ambil (Matthews, Deary dan Whiteman, 2009).

Manakala, kesejahteraan hidup untuk domain fizikal adalah rendah. Dapatan ini mendapati responden kurang mengambil tahu tentang maklumat kesihatan dari segi makanan, persekitaran dan juga kesihatan diri. Sedangkan, Donatelle (2000) menyatakan kesihatan menyediakan sumber dalaman dan luaran untuk individu melibatkan diri serta membina pertumbuhan dan perkembangan kehidupan yang sempurna.

Jika dilihat daripada analisis kajian, secara keseluruhannya dalam aspek kesejahteraan hidup mereka dari aspek profil responden, ia tidak berada pada tahap yang membanggakan. Walau bagaimanapun, melalui kajian domain kesejahteraan hidup menunjukkan ia berada dalam keadaan yang baik. Namun, sejauh mana keadaan ini boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka? Oleh itu, kajian berterusan bagi mengkaji kesejahteraan hidup pengkultur rumpai laut adalah perlu untuk membantu meningkatkan hidup mereka agar lebih selesa dan sejahtera.

KESIMPULAN

Kesejahteraan hidup adalah sebagai satu usaha untuk mencapai kesempurnaan berdasarkan potensi diri (Amran, Fatimah dan Khadijah, 2012). Kesejahteraan ini akan mempengaruhi seseorang individu itu dalam melaksanakan aktiviti harian dengan sebaik mungkin dan juga sekaligus membantu dalam keseimbangan sesebuah komuniti dalam pelbagai hal. Kesejahteraan pengkultur sebagai contoh, pendapatan, pendidikan, serta keperluan lain yang penting bagi mereka perlulah diambil perhatian kerana ia bukan sahaja untuk membantu hidup mereka tetapi juga kepada pembangunan dasar komuniti untuk negara. Oleh itu, mengadakan program motivasi untuk penduduk adalah penting bagi membantu mereka meningkatkan amalan corak hidup yang sihat serta memberikan mereka keinginan untuk terus berusaha, tidak mudah putus asa dan menjalani kehidupan mereka dengan lebih tenang serta harmoni pada masa akan datang. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu kerajaan dalam pembentukan polisi untuk membantu pengkultur rumpai laut di Pulau Kerindingan, Semporna dalam meningkatkan kesejahteraan mereka secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Aisah Hossin & Nurulaisyah Rosli. 2014. Analisis awal sosiodemografi terhadap penanaman rumpai laut di Pulau Sebangkat Semporna, Sabah. *Proceeding of the 1st International Maritime Conference (1st IMC2014)* October 21, 2014. Labuan: Universiti Malaysia Sabah Antarabangsa Labuan.
- Amir Hassan. 2012. Analisis gangguan kesejahteraan psikologi dan pengaruhnya terhadap kehinaan (grieving) dalam kalangan keluarga mangsa di Malaysia. *Journal Perspektif*. 6(2):51-65.
- Amran, H., Fatimah, Y. & Khadijah, A. 2012. Keluarga Sihat Melahirkan Komuniti Sejahtera: Satu Ulasan. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5): 51-63.
- Azizah Md Yusof, Jamal Ali & Roslina Kamaruddin. 2013. Kesejahteraan hidup: kajian petani di kawasan penanaman padi negeri Perlis. Prosiding PERKEM VIII(3): 1177-1187.
- Diener, E., Suh, E. M., Lucas, R. E. & Smith, H. L. 1999. Subjective well-being: three decades of progress. *Psychological Bulletin*, 125 (2), 276-302.
- Donatelle. 2001. *Health: the basics*. 4th ed. Boston: Allyn & Bacon.

- Iyus Yosep. 2005. *Pentingnya ESQ (Emotional & Spiritual Quotion) bagi perawat dalam manajemen konflik.* Universitas Padjajaran: Bandung.
- Matthews, G., Deary, I. J., & Whiteman, M.C. 2009. *Personality Traits.* New York: Cambridge University Press.
- Mizpal Ali, Rosazman Hussin, Suhaimi Md Yasir & Ahmad Tarmizi Abdul Rahman. 2015. Projek estet mini rumpai laut dan penglibatan komuniti nelayan di daerah Semporna, Sabah. *Journal of Borneo Transformation Studies.* 1(1): 131-145.
- Mizpal Bin Ali. 2011. Projek Pengkulturan Rumpai Laut (Seaweed) dan Cabarannya dalam kalangan komuniti nelayan miskin di Semporna, Sabah. Tesis sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Nurhuda Salleh, Aisah Hossin, Budi Anto Tamring & Ahmad Tarmizi Abdul Rahman. 2012. Estet Mini Rumpai Laut: Peranan ke Arah Peningkatan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Semporna Sabah. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) pada 7 hingga 9 Jun 2013 no ISSN:2231-962X.* Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurulaisyah Rosli, Rosazman Hussin, Gaim James Lunkapis, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman dan Aisah Hossin. 2013a. Masalah Nelayan Dalam Mengkultur Rumpai Laut Kajian Kes: Semporna, Sabah. Prosiding Persidangan Transformasi Sosial 2013. Universiti Malaysia Sabah.
- Norizan Abdul Ghani. 2003. *Kualiti Hidup Penduduk Pulau Negeri Terengganu: Satu Kajian Di Pulau Redang dan Pulau Perhentian.* Universiti Putra Malaysia.
- Rashilah Mohamad, Muhamad Faireal Ahmad, Jamaluddin Kasa & Nor Azlina Saari. 2011. Pengenalan kepada penternakan rumpai laut di Sabah. *Economic and Technology Management Review.* 6(2011): 59-65.
- Rosnah Ismail. 2004. *Kesedaran dan Sikap Masyarakat Terhadap Pengkultur Rumpai Laut Di Pulau Banggi, Kudat.* Sabah. Kota kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Renwick, R.,(2006). *The Quality life model.* <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>.
- Sekaran, U. 2003. *Research Methods for Business: A skill Building Approach.* 4th ed. United Kigdom: John Wiley & Sons, Inc.
- Shahzunizam Zulkifli. 2009. *Projek Rumpai Laut PPK Semporna.* Berita Transformasi.
- Siti Nadira Ahmad Rozian Shah, Rosmadi Fauzi & Jamilah Mohamad. 2015. Membina model indeks kesejahteraan hidup penduduk bagi Semenanjung Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space.* 11(4):87-96.

- Utami, M. S. 2009. Keterlibatan dalam kegiatan dan kesejahteraan subjektif mahasiswa. *Jurnal Psikologi*. **36**(2): 144-163.
- Vieten, C., Pilato, R., Pargament, K. I., Scammell, S., Ammondson, I., & Lukoff, D. 2013. Spiritual and Religious Competencies for Psychologists. *Psychology of Religion and Spirituality*. **5**(3): 129-144.
- Yasin, H. J. 2004. Marketing and non-marketing mix factors and brand equity: The case of Malaysian household electrical appliances. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.

Temubual

1. En. Zulhami Bin Amin. Jabatan Perikanan Semporna. Kakitangan Jabatan Akuakultur. 11 Mac 2016.
2. En. Abdullah Bin Makling. Ketua Kampung Terusan Baru. 11 Mac 2016.
3. En. Mad Basri Bin Ramsi. Penduduk Kampung Terusan Baru. 11 Mac 2016.

*Balan Rathakrishnan, Bonaventure Boniface, Norazemah Abdul Salleh & Siti Kalsom Yulo
Universiti Malaysia Sabah, 88400 UMS Kota Kinabalu Sabah, Malaysia*